

# ISI KANDUNGAN

MS

Lagu MCPF	2
Perutusan Pengerusi MCPF	3
Notis Panggilan Mesyuarat Agung Kali ke-31	4
Minit Mesyuarat Agung Kali ke-29 & ke-30	7
Senarai Kehadiran pada Mesyuarat Agung ke-29 & ke-30	24
Laporan Kewangan Tahun Berakhir 31 Disember 2023	34
Majlis Eksekutif Mengikut Perlembagaan MCPF bagi Tahun 2023	54
Senarai Jawatankuasa Perhubungan Negeri 2023	58
Galeri	65
Keratan Akhbar	74

# **DEMI KEAMANAN MALAYSIA**

Komposer: Rosman Adam

MCPF

KAMI SEDIA MEMBANTU

BERKHIDMAT DEMI KEAMANAN RAKYAT MALAYSIA

MCPF

KAMI BEKERJASAMA

TINGKATKAN KESEDARAN

TERHADAP JENAYAH

AYUH KITA RAKYAT MALAYSIA

SAMA BERGANDINGAN

SEPAKAT SAMA BERUSAHA

KEAMANAN MALAYSIA

MCPF

KAMI TERUS BERSEDIA

MENDIDIK, PELIHARA

KEAMANAN MALAYSIA

(MUZIK BRIDGE)

AYUH KITA RAKYAT MALAYSIA

SAMA BERGANDINGAN

SEPAKAT SAMA BERUSAHA

KEAMANAN MALAYSIA

MCPF

KAMI TERUS BERSEDIA

MENDIDIK, PELIHARA

KEAMANAN SEMUA

DEMI KEAMANAN MALAYSIA

# Perutusan Pengerusi MCPF

**YB MENTERI DALAM NEGERI  
MERANGKAP PENGERUSI  
YAYASAN PENCEGAHAN JENAYAH MALAYSIA  
(MCPF)**

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh  
dan Salam Malaysia MADANI,



Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-NYA, maka kita berpeluang untuk sama-sama berkumpul sempena Mesyuarat Agung Tahunan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) Kali Ke-31.

Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada barisan kepimpinan MCPF di semua peringkat yang telah merangka dan menjalankan pelbagai program pencegahan jenayah dengan melibatkan pelbagai agensi yang lain selari dengan objektif penubuhan MCPF.

Jenayah dan kegiatan jenayah masih membimbangkan rakyat sungguh pun kadar indeks jenayah terus menurun sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Untuk mengharapkan sebuah negara bebas mutlak daripada jenayah adalah mustahil, tetapi apa yang mungkin boleh dilakukan adalah dengan mengambil semua langkah yang perlu untuk terus mengurangkan kejadian jenayah atau untuk mencegahnya. Pencegahan jenayah adalah usaha yang membabitkan semua pihak dan memerlukan disiplin serta tindakan bersepudu.

Dewasa kini, kerajaan memberi perhatian serius terhadap isu Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (ATIPSOM) selain jenayah siber yang menjadi ancaman kepada keselamatan negara. Kerajaan melalui pelbagai agensi penguatkuasaan telah meningkatkan kempen-kempen kesedaran berbentuk pendidikan kepada masyarakat, namun masih ramai menjadi mangsa kepada jenayah tersebut. Di sini, MCPF juga boleh memainkan peranan dengan membantu pihak berkuasa menjalankan program-program kesedaran secara berterusan di semua peringkat.

MCPF yang berusia 30 tahun sudah memiliki cawangan di peringkat negeri dan daerah. Ianya amat bagus untuk MCPF meningkatkan pelaksanaan program pencegahan jenayah di semua peringkat. Cabaran masa kini tidak sama seperti 30 tahun yang lepas. MCPF perlu memiliki kekuatan dan anjakan paradigma untuk menandingi permasalahan yang dihadapi oleh negara khususnya dalam pencegahan jenayah. *Mindset* lama perlu diubah mengikut peredaran masa.

Saya amat berharap MCPF di setiap peringkat dapat merancang dan melaksanakan program-program pencegahan yang berimpak tinggi bagi membantu pihak berkuasa mengurangkan kadar jenayah dalam negara.

Sekian dan selamat bersidang,

  
**DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

# NOTIS PANGGILAN MESYUARAT AGUNG KALI KE-31

Tarikh: 5 Mac 2024

**Semua Ahli  
Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF)**

## NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-31 YAYASAN PENCEGAHAN JENAYAH MALAYSIA (MCPF)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan ke-31 MCPF yang akan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Dalam Negeri merangkap Penggerusi MCPF akan diadakan seperti ketetapan berikut:

**Tarikh : 31 Mac 2024 (Ahad)**

**Masa : 5.00 petang**

**Tempat : Dewan Sultan Haji Ahmad Shah  
Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur  
43200 Cheras, Kuala Lumpur.**

**Aturcara Mesyuarat : Rujuk Lampiran A**

**Kod Pakaian : Baju Korporat MCPF/ Smart Casual**

3. Sehubungan dengan itu, YBhg.Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sebagai Ahli MCPF dijemput hadir ke mesyuarat tersebut. Adalah dimaklumkan, kehadiran Mesyuarat Agung MCPF tertakluk kepada ahli yang telah didaftarkan sahaja mengikut Artikel 15(a) Perlembagaan MCPF dan Seksyen (C)3 *By-Laws and Regulations (Ref: 1/2018) MCPF The Rules and Procedures on Election of Executive Councillors at The General Meeting Made in Pursuant to Article 20 of The Constitution.* **Sila bawa bersama kad keahlian MCPF atau kad pengenalan diri pada hari mesyuarat bagi memudahkan proses urusan pendaftaran.**

4. Bagi melancarkan persiapan mesyuarat, YBhg.Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dikehendaki memberikan maklumbalas awal kehadiran. Sila lengkapkan maklumbalas kehadiran melalui imbasan QR code atau di pautan di bawah atau kemukakan Borang Maklum Balas Kehadiran (Lampiran B) yang telah lengkap selewat-lewatnya pada 22 Mac 2024.

<https://forms.gle/rXrAusqCcffJCjH9>



## NOTIS PANGGILAN MESYUARAT AGUNG KALI KE-31

5. Jika terdapat sebarang resolusi atau usul yang hendak dibentangkan di dalam mesyuarat ini, sila kemukakannya secara bertulis kepada Setiausaha Kehormat MCPF melalui emel [support@mcpf.org.my](mailto:support@mcpf.org.my) sebelum atau pada 16 Mac 2024, jam 5.00 petang.
6. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,



(NOORHAMASIREN BINTI BOONTHNAM EKKASOOK) DSP  
Setiausaha Eksekutif  
Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF)

**ATURCARA  
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-31  
YAYASAN PENCEGAHAN JENAYAH MALAYSIA (MCPF)**

3.00 petang	:	Pendaftaran Ahli
4.40 petang	:	Ketibaan YDH IG Tan Sri Razarudin bin Husain Ketua Polis Negara merangkap Timbalan Pengerusi MCPF
4.50 petang	:	Ketibaan YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail Menteri Dalam Negeri merangkap Pengerusi MCPF
5.00 petang	:	Mesyuarat Agung Tahunan MCPF Kali Ke-31 Bermula

**Agenda Mesyuarat:**

- Ucapan Pengacara Majlis
- Nyanyian Lagu Negaraku dan Lagu MCPF
- Bacaan Doa
- Ucapan Aluan YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail  
Menteri Dalam Negeri Merangkap Pengerusi MCPF
- Menyemak dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-29 dan  
Ke-30 Bertarikh 11 Mac 2023
- Membentangkan dan Meluluskan Laporan Tahunan 2023
- Membentangkan dan Meluluskan Buku Laporan Penyata Kewangan Tahun  
Berakhir 31 Disember 2023
- Membentangkan Usul Yang Dikemukakan Secara Bertulis
- Ucapan Penangguhan
- Acara Khas: Penyampaian Sumbangan kepada MCPF
- Sesi Bergambar Bersama Ahli-Ahli MCPF

7.00 petang	:	Mesyuarat Agung Tahunan MCPF Kali Ke-31 Tamat
7.25 petang	:	Majlis Berbuka Puasa Bersama YB Pengerusi MCPF

## MINIT MESYUARAT AGUNG KALI KE-29 & KE-30

### MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YAYASAN PENCEGAHAN JENAYAH MALAYSIA (MCPF) KALI KE-29 DAN KE-30

Tarikh : 11 Mac 2023 (Sabtu)  
Masa : 2.00 petang  
Tempat : Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur  
Persiaran Maktab, Taman Cuepacs  
43200 Cheras Selangor  
  
Jumlah Kehadiran : 404 orang

#### 1. PENDAHULUAN

- 1.1 Mesyuarat Agung Tahunan MCPF Kali Ke-29 dan Ke-30 dimulakan dengan ucapan Pengacara Majlis, nyanyian lagu Negaraku dan bacaan doa.

**Makluman**

#### 2. UCAPAN ALUAN YB PENGERUSI MCPF

- 2.1 YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir pada Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-29 dan Ke-30 pada hari ini.

**Makluman**

- 2.2 Beliau memaklumkan ini merupakan kali pertama beliau mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan MCPF, setelah mempengerusikan Mesyuarat EXCO MCPF Bilangan 1-2023/2026 baru-baru ini.

**Makluman**

- 2.3 YB Penggerusi merakamkan ucapan penghargaan kepada YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim selaku Penaung MCPF kerana memberi kepercayaan kepada beliau untuk menerajui Yayasan ini.

**Makluman**

- 2.4 YB Pengerusi memaklumkan bahawa MCPF telah diasaskan oleh YABhg. Tun Mohammed Hanif bin Omar pada tahun 1993 adalah setelah menyedari bahawa perlunya sebuah organisasi bebas bagi memberi kesedaran umum tentang pencegahan jenayah dan keselamatan komuniti.

**Makluman**

- 2.5 YB Pengerusi memaklumkan bahawa ucapan pembukaan beliau pada hari ini adalah memfokuskan kepada mengukuhkan disiplin organisasi yang bermula daripada barisan kepimpinan MCPF. Tiga (3) perkara yang perlu dititikberatkan serta menjadi penanda aras dalam memastikan kejayaan MCPF dalam mencapai objektifnya iaitu pengurangan dalam kadar jenayah, perasaan lebih selamat dalam komuniti dan *cost effectiveness*.

Tambah beliau lagi, apabila kehidupan semakin mencabar, jenayah menjadi semakin kompleks. Namun, jenayah masih berlebar dalam lima (5) kategori yang sama iaitu *community crime*, *violence crime*, *white collar crime*, *cyber crime* dan *drug crime*. *Drug crime* adalah musuh negara yang telah berdekad lamanya. *Cyber crime* pula adalah satu (1) jenayah baru yang sedang menular dengan pantas dan kerajaan sedang menggubal undang-undang bagi mengawal selia segala isu berkaitan jenayah *cyber crime*.

**Makluman**

- 2.6 YB Pengerusi seterusnya memaklumkan bahawa organisasi yang mantap, kukuh serta jelas tentang bidang tugasnya bermula daripada kepimpinan yang baik dan hala tuju yang jelas. Oleh itu, beliau memohon kepada semua ahli untuk membuat pilihan yang terbaik semasa sesi pemilihan Ahli Majlis Eksekutif kelak dan setelah pemilihan selesai, beliau meminta semua ahli untuk duduk dalam satu pasukan bagi menentukan hala tuju dan rencana yang ingin diperjuangkan.

**Makluman**

- 2.7 Menurut YB Pengerusi, beliau yakin dan percaya bahawa setiap ahli mempunyai kepakaran, kebolehan dan kemampuan tersendiri; di mana semua ini adalah adunan yang terbaik bagi memperkuuhkan serta memperkasakan lagi MCPF di setiap peringkat. Ditambah pula dengan kehadiran tokoh-tokoh besar di dalam MCPF seperti YBhg. Tan Sri Syed

Hamid bin Tan Sri Syed Jaafar Albar, YABhg. Tun Mohammed Hanif bin Omar dan YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye; beliau amat yakin bahawa MCPF akan dapat membantu bukan sahaja pihak kerajaan, malahan orang awam dalam isu-isu berkaitan pencegahan jenayah dan keselamatan komuniti.

**Makluman**

- 2.8 YB Pengerusi juga memaklumkan bahawa beliau yakin dengan kemampuan kepimpinan barisan Ahli Majlis Eksekutif sedia ada dan juga yang bakal dilantik, serta ahli-ahli yang hadir pada hari ini dan oleh itu beliau sedia memberikan sokongan sepenuhnya kepada MCPF.

**Makluman**

- 2.9 Akhir kata, YB Pengerusi merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan MCPF Kali Ke-29 dan Ke-30 dengan lafaz bismillah dan berharap mesyuarat pada hari ini berjalan dengan lancar dan jayanya.

**Makluman**

**3. SESI PENYERAHAN KAD KEAHLIAN SEUMUR HIDUP KEHORMAT**

- 3.1 Penyampaian kad keahlian seumur hidup kehormat kepada dua (2) tokoh yang telah banyak berjasa kepada MCPF iaitu YBhg. Tan Sri Syed Hamid bin Tan Sri Syed Jaafar Albar dan YABhg. Tun Mohammed Hanif bin Omar.

**Makluman**

**4. MENYEMAK DAN MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN MCPF KALI KE-28 BERTARIKH 23 APRIL 2022**

- 4.1 Minit Mesyuarat Agung Tahunan MCPF Kali Ke-28 telah disemak oleh semua ahli mesyuarat.
- 4.2 Minit mesyuarat telah dicadangkan sah oleh Dato' Panjamoorthy A/L Muthusamy (No. Ahli: 102009) dan telah disokong oleh Encik Mah Yoke Keong (No. Ahli: 102350).

**Makluman**

**5. PERKARA BERBANGKIT**

**Program-Program Berbentuk Pendidikan dan Kesedaran Berhubung Jenayah Siber Secara Berterusan Melibatkan Semua Lapisan Masyarakat**

- 5.1 Setiausaha Kehormat memaklumkan bahawa MCPF mengambil maklum saranan YB Pengurus untuk memberi lebih perhatian terhadap jenayah siber. Untuk itu, pelbagai inisiatif dalam memberi kesedaran berhubung jenayah siber telah dilaksanakan. Antaranya Kempen Pencegahan Jenayah Komersil (Awie Ride) 2022, Projek Poster Anti-Scam Pulau Pinang, Kajian Keberkesanan Kempen Anti-Scam, perkongsian berhubung jenayah scam di dalam buletin MCPF dan lain-lain lagi.

**Makluman**

**Sokongan YB Pengurus Terhadap Pelanjutan Tempoh Penggal Ahli Exco Menjadi Tiga (3) Tahun**

- 5.2 Setiausaha Kehormat memaklumkan bahawa pelanjutan tempoh penggal bagi ahli Exco daripada dua (2) tahun kepada tiga (3) tahun telah dibentangkan dan dipersetujui semasa Mesyuarat Agung Tahunan Ke-28. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) telah dimaklumkan dan meluluskan pelanjutan tempoh penggal ahli Exco berkenaan yang melibatkan pindaan Artikel 8 (e) Perlembagaan MCPF.

**Makluman**

**Semakan Semula Artikel 15 Perlombagaan MCPF Oleh Penasihat Undang-Undang Seperti Yang Diminta Oleh YB Pengerusi**

- 5.3 Setiausaha Kehormat memaklumkan bahawa sebuah jawatankuasa khas telah ditubuhkan bagi menyemak Artikel 15 Perlombagaan MCPF (dan lain-lain artikel yang berkaitan keahlian) di mana didapati tiada pindaan diperlukan. Jawatankuasa tersebut mendapati bahawa:
- 5.3.1 Kategori keahlian yang sedia ada adalah bersesuaian dan memadai.
  - 5.3.2 Yuran keahlian adalah berpatutan.
  - 5.3.3 Pemecatan seseorang ahli berdasarkan situasi tertentu dinyatakan dengan jelas. Ahli diberikan hak untuk merayu ke atas keputusan Majlis Eksekutif (berkaitan pemecatan).

**Makluman**

**Penyertaan Semua Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri Dalam Mesyuarat Exco Bagi Berkongsi Input dan Pandangan**

- 5.4 Setiausaha Kehormat memaklumkan bahawa memandangkan tiada Mesyuarat Exco yang dilaksanakan selepas Mesyuarat Agung Tahunan Ke-28, maka perancangan ini telah tertangguh dan akan dilaksanakan bagi Mesyuarat Exco yang akan datang.

**Makluman**

**Tajaan Sebanyak RM50,000 Oleh Tan Sri Datuk Robert Phang Miow Sin Bagi Menjalankan Kajian Untuk Mempromosikan Kesedaran Pencegahan Jenayah**

- 5.5 Setiausaha Kehormat memaklumkan bahawa penajaan sebanyak RM50,000 yang ingin disumbangkan oleh Tan Sri Datuk Robert Phang Miow Sin bagi menjalankan kajian untuk mempromosikan kesedaran pencegahan jenayah akan dibincangkan dalam Mesyuarat Exco yang akan datang.

**Makluman**

**Cadangan Agar Bendera MCPF Direka Mengikut Spesifikasi Yang Sepatutnya**

- 5.6 Setiausaha Kehormat memaklumkan bahawa contoh bendera MCPF akan dibentangkan dan dibincangkan semasa sesi *retreat* bersama ahli-ahli Exco kelak.

**Makluman**

**6. MEMBENTANGKAN DAN MELULUSKAN LAPORAN TAHUNAN 2021 DAN 2022**

- 6.1 Setiausaha Kehormat telah membentangkan buku Laporan Tahunan 2021 dan 2022 sepetimana yang telah diedarkan kepada semua ahli mesyuarat.
- 6.2 Laporan tersebut telah dicadangkan sah oleh Encik V.Rajoo A/L Kalimuthu (No. Ahli: 101987) dan telah disokong oleh Encik Mohd Fadzil bin Abd Jabbar (No. Ahli: 102319).

**Makluman**

**7. MEMBENTANGKAN DAN MELULUSKAN LAPORAN PENYATA KEWANGAN TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 DAN 31 DISEMBER 2022**

- 7.1 Tan Sri Datuk Eddy Chen Lok Loi selaku Bendahari MCPF telah membentangkan Laporan Penyata Kewangan Tahun Berakhir 31 Disember 2021 dan 31 Disember 2022. Laporan telah diaudit oleh juru audit bertauliah iaitu Deloitte PLT.

**Makluman**

- 7.2 Beliau memaklumkan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021, jumlah pendapatan adalah sebanyak RM284,595 dan perbelanjaan berjumlah RM486,567 iaitu defisit sebanyak RM201,972. Manakala jumlah *cash and cash equivalents* dilaporkan berjumlah RM6,042,009.

**Makluman**

- 7.3 Manakala bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 pula, jumlah pendapatan adalah sebanyak RM1,326,976 dan perbelanjaan berjumlah RM1,502,013 iaitu defisit sebanyak RM175,037. Manakala jumlah *cash and cash equivalents* dilaporkan berjumlah RM6,091,405.

**Makluman**

- 7.4 Tan Sri Datuk Eddy Chen Lok Loi mencadangkan agar ahli Majlis Eksekutif yang akan dilantik kelak untuk mengadakan aktiviti *fund raising* pada tahun 2023 bagi menampung kos pengoperasian MCPF.

**Makluman**

- 7.5 Prof. Madya Dr. Geshina Ayub binti Mat Saad (No. Ahli 101996) memohon penjelasan berkenaan kos penggajian (*Payroll inclusive of EPF and SOCSO*) yang meningkat daripada RM264,875 pada tahun 2021 kepada RM366,892 pada tahun 2022. Tan Sri Datuk Eddy Chen Lok Loi memaklumkan bahawa pada tahun 2020, MCPF mempunyai enam (6) kakitangan Sekretariat, di mana beberapa kakitangan telah berhenti di antara penghujung tahun 2020 dan sekitar tahun 2021; dan diganti dengan beberapa kakitangan baharu pada tahun 2022.

**Makluman**

- 7.6 Datuk Seri Dr. Chai Kee Kan (No. Ahli: 102069) memaklumkan bahawa sekiranya jumlah bagi *Payroll inclusive of EPF and SOCSO* bagi tahun 2022 iaitu RM366,892 dibahagikan dengan 12 bulan, jumlah bulanan bagi *Payroll inclusive of EPF and SOCSO* adalah sekitar RM30,000 sebulan. Dengan enam (6) orang kakitangan, purata gaji bulanan bagi setiap kakitangan (termasuk caruman EPF yang perlu dibayar oleh MCPF) adalah sekitar RM5,000. Jika ditolak caruman EPF yang perlu dibayar oleh MCPF sebanyak 12% sebulan bagi setiap kakitangan, purata gaji setiap kakitangan adalah sekitar RM4,5000. Pada hemat beliau, jumlah tersebut adalah berpatutan.

**Makluman**

7.7 Prof. Madya Dr. Geshina Ayub binti Mat Saad juga memohon penjelasan berkenaan kos perbelanjaan bagi *Seminar, conference and workshop expenses* di mana beliau menyatakan bahawa dalam pemahaman beliau, setiap negeri mempunyai had maksimum peruntukan sebanyak RM10,000 untuk satu (1) program. Tan Sri Datuk Eddy Chen Lok Loi memaklumkan bahawa tiada had maksimum peruntukan bagi sesuatu program seperti dinyatakan tersebut. Setiap negeri diberikan peruntukan tahunan sebanyak samada RM30,000 atau RM50,000. Beliau juga memaklumkan bahawa Penyata Kewangan yang dibentangkan semasa Mesyuarat Agung Tahunan adalah maklumat perakaunan tahunan MCPF secara keseluruhan, dan tidak merangkumi perincian bagi setiap transaksi. Penyata Kewangan yang dibentangkan juga telah diaudit oleh juru audit bertauliah. Beliau meminta Prof. Madya Dr. Geshina Ayub binti Mat Saad atau mana-mana ahli yang ingin mengetahui mengenai segala transaksi perakaunan dengan lebih terperinci untuk hadir ke Pejabat Sekretariat bagi menyemak segala rekod perakaunan.

**Makluman**

7.8 Encik Mah Yoke Keong (No. Ahli 102350) mencadangkan agar Buku Laporan Mesyuarat Agung Tahunan dapat dihantar kepada semua ahli dalam empat belas (14) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan bagi memberi masa kepada ahli-ahli untuk menyemak segala laporan yang dilampirkan.

**Makluman**

7.9 Seterusnya Datuk Mak Foo Wei (No. Ahli: 102057) telah mencadangkan agar Laporan Kewangan yang dibentangkan diluluskan dan telah disokong oleh Encik Jalbir Singh Riar A/L Manhore Singh (No. Ahli: 102233). Laporan telah diterima sebulat suara oleh ahli mesyuarat.

**Makluman**

**8. MEMBENTANGKAN RESOLUSI ATAU ISU YANG DIKEMUKAKAN SECARA BERTULIS**

Seramai lima (5) orang ahli telah mengemukakan usul untuk dibahaskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan kali ini. Usul-usul yang diterima telah dibentangkan kepada YB Pengerusi semasa sesi pertemuan pada 7 Mac 2023 (Selasa). Setelah diteliti bersama YB Pengerusi, usul-usul yang akan dibentangkan serta dibahaskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan kali ini adalah seperti berikut:

8.1 Nama Ahli: Datuk Mak Foo Wei  
No. Ahli: 102057

8.1.1 Pindaan Pada Artikel 1 (c)  
Alamat surat-menyurat pejabat hendaklah di:  
**B-3A-13, Block B Level 4 Unit 13,  
Megan Avenue II, Jalan Yap Kwan Seng,  
50450 Kuala Lumpur, Malaysia**  
atau tempat lain sebagaimana yang diputuskan oleh Majlis Eksekutif dari semasa ke semasa dengan mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.

8.1.2 Pindaan Pada Artikel 8 (f)  
Tiga Naib Pengerusi hendaklah dilantik oleh Pengerusi Yayasan di kalangan ahli-ahli Majlis Eksekutif yang terpilih. Salah seorang Naib Pengerusi hendaklah memegang jawatan sebagai Naib Pengerusi Kanan. **Seseorang yang memegang jawatan Naib Pengerusi Kanan hendaklah tidak melebihi dua (2) penggal (enam (6) tahun).**

8.1.3 Pindaan Pada Artikel 9 (a) (iii)  
**Semasa ketiadaan Pengerusi atau terdapat kekosongan jawatan Pengerusi akibat tiada pelantikan, Timbalan Pengerusi hendaklah menggantikan Pengerusi dalam melaksanakan semua tanggungjawab dan tugas Pengerusi, termasuk mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat berkaitan serta kuasa bagi melantik pemegang-pemegang jawatan. Beliau hendaklah diberi kuasa sebagai penandatangan bersama bagi semua cek dan kenyataan pengeluaran wang dari akaun (akaun-akaun)**

bank Yayasan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Artikel 5(b).

8.1.4

Pindaan Pada Artikel 14 (b)

Jawatankuasa Pengurusan hendaklah mentadbir dan mengawal keseluruhan hal ehwal, operasi, aktiviti-aktiviti dan pelaksanaan dasar Yayasan dan tiga Naib Pengerusi adalah secara automatik duduk dalam lembaga Jawatankuasa Pengurusan. **Ahli-ahli Majlis Eksekutif yang telah dipilih semasa Mesyuarat Agung Tahunan juga adalah secara automatik akan menjadi ahli Jawatankuasa Tetap Pengurusan.**

8.1.5

Penambahan Pada Artikel 19 (c)

**Ketua Polis Negeri hendaklah dilantik sebagai Ex-Officio Penasihat kepada Jawatankuasa Perhubungan Negeri.**

8.1.6

Pindaan Pada Artikel 19 (c) (iv)

Setiap tempoh pemegang jawatan hendaklah untuk **tiga (3) tahun** dan setiap ahli Jawatankuasa Perhubungan Negeri boleh dilantik semula.

Cadangan pindaan Perlembagaan ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Exco yang telah dipengerusikan oleh YB Pengerusi pada 23 Februari 2023. Ianya adalah sebahagian daripada penambahbaikan dan pengemaskinian Perlembagaan MCPF, termasuk pemanjangan tempoh penggal ahli Exco (kepada 3 tahun) seperti mana yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-28 sebelum ini dan diluluskan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.

Maklumbalas: Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan usul tersebut.

**Makluman**

8.2 Nama Ahli: Encik Yeap Tong We (Kelvin)  
No. Ahli: 100171

8.2.1 Pindaan Pada Artikel 19 (c) (ii)

"Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) bagi Kontinjen Polis Diraja Malaysia, hendaklah dilantik sebagai ex-officio, salah seorang Naib Pengerusi bagi Jawatankuasa Perhubungan Negeri."

Terma "salah seorang Naib Pengerusi Bagi Jawatankuasa Perhubungan Negeri" hendaklah DIKELUARKAN bagi memberi ruang kepada Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri untuk menentukan serta melantik barisan Ahli Jawatankuasa Perhubungan Negeri yang difikirkan sesuai, dengan nasihat Ketua Polis Negeri dan tertakluk kepada kelulusan Majlis Eksekutif.

8.2.2 Pindaan Pada Artikel 19 (I) (ii) and 20, serta Para 3 (ii) By-Laws And Regulations (Ref: 1/2017) (Amendment To Ref. 1/2016) Of Malaysia Crime Prevention Foundation Governing The District Liaison Committees Made in Pursuant To Article 19 (I) (ii) and 20 Of The Constitution

"Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) bagi Ibu Pejabat Polis Daerah Polis Diraja Malaysia, hendaklah dilantik sebagai ex-officio, Naib Pengerusi bagi Jawatankuasa Perhubungan Daerah."

Terma "Naib Pengerusi bagi Jawatankuasa Perhubungan Daerah" hendaklah DIKELUARKAN bagi memberi ruang kepada Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Daerah untuk menentukan serta melantik barisan Ahli Jawatankuasa Perhubungan Daerah yang difikirkan sesuai, dengan nasihat Ketua Polis Daerah dan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Perhubungan Negeri.

Dato' Sri Erwan bin Dato' Haji Mohd Tahir (No. Ahli: 101976) menyarankan agar usul ini tidak disokong kerana terma tersebut adalah cadangan YDH Ketua Polis Negara sendiri sejak dahulu lagi.

Maklumbalas: Mesuarat secara majoriti menolak usul tersebut.

**Makluman**

- 8.3 Nama Ahli: Datuk (Dr.) Mustapha bin Ahmad S. Marican  
No. Ahli: 102592

8.3.1 Program MCPF Perlu Diperluaskan

Usaha membanteras aktiviti jenayah perlu dilakukan secara bersama melalui kolaborasi strategik antara pihak berkuasa dan tidak hanya tertumpu kepada kerjasama PDRM semata-mata. Tetapi turut melibatkan pihak berkuasa yang lain seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Jabatan Penjara Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan agensi-agensi yang lain. Kolaborasi yang pelbagai ini secara tidak langsung dapat memberikan komitmen dan dedikasi yang tinggi dalam menyokong membanteras aktiviti-aktiviti jenayah di negara ini dan mesej yang ingin disampaikan oleh MCPF dapat difahami oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Puan Azian binti Othman (No. Ahli: 101885) memaklumkan bahawa MCPF Kelantan sememangnya melibatkan pelbagai agensi-agensi kerajaan dalam program-program pencegahan jenayah dan tidak hanya tertumpu kepada PDRM semata-mata.

Dato' Panjamoorthy A/L Muthusamy (No. Ahli: 102009) mencadangkan agar program-program pencegahan jenayah MCPF seperti sesi *town hall* melibatkan ketua-ketua komuniti.

**Makluman**

**9. PEMBUBARAN AHLI MAJLIS EKSEKUTIF (EXCO) MCPF BAGI PENGGAL 2020/2022**

- 9.1 Sebelum membubarkan Ahli Majlis Eksekutif (Exco) MCPF, YB Pengurus melantik Encik Roslan bin Seman, Penolong Pengarah Unit Pengurusan Konflik, Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional dan Encik Abdul Rahim bin Mohidin, Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan

Sahsiah Murid, Kementerian Pendidikan Malaysia; selaku pemerhati bebas bagi memastikan proses pemilihan berjalan dengan lancar dan telus.

- 9.2 YB Pengerusi seterusnya dengan rasminya membubarkan Ahli Majlis Eksekutif (Exco) MCPF bagi penggal 2020/2022.

**Makluman**

**10. PEMILIHAN AHLI MAJLIS EKSEKUTIF (EXCO) BAGI PENGGAL 2023/2026 (MENGIKUT ARTIKEL 8(d) PERLEMBAGAAN MCPF)**

- 10.1 YDH Dato' Pahlawan Anuar bin Othman, Komandan Maktab PDRM Cheras Kuala Lumpur (selaku *Returning Officer* yang telah dilantik oleh YDH Tan Sri IGP selaku Timbalan Pengurus MCPF) mengambil alih mesyuarat bagi melaksanakan proses pemilihan dan pengundian.

**Makluman**

- 10.2 YDH Dato' Pahlawan Anuar bin Othman telah menerangkan secara terperinci peraturan dan garis panduan proses pemilihan kepada ahli-ahli mesyuarat. Beliau seterusnya memperkenalkan setiap calon Ahli Majlis Eksekutif (Exco) bagi penggal 2023/2026 yang berjumlah seramai dua puluh sembilan (29) orang, berserta pencadang dan penyokong masing-masing. Beliau juga memaklumkan bahawa calon nombor dua puluh satu (21) iaitu Encik Chan Tiam Hin (No. Ahli 102136) telah memohon untuk menarik diri.

**Makluman**

- 10.3 Berikut adalah senarai nama pencalonan Ahli Majlis Eksekutif (Exco) bagi penggal 2023/2026.

NO. CALON	NAMA CALON	NO. AHLI
1	DATO' SRI JOHNY CH'NG EWE GEE	101658
2	DATO' SRI CHONG CHIN FUNG	102135
3	DATO' KENNARD CH'NG EWE KOK	101693
4	DATO' SRI DR. LIM CHIN FUI	102615
5	TAN SRI DATO' WIRA NG CHEN OON	102152
6	DATUK KAMARUDIN BIN MD ALI	100016
7	POON FOONG LIN	102154
8	JALBIR SINGH RIAR A/L MANHORE SINGH	102233

9	ASSOC. PROF. DR. GESHINA AYU BINTI MAT SAAT	101996
10	WAN SU BINTI HJ. HARON	102195
11	TAN SRI DATUK SERI TAN KEAN SOON	700031
12	TAN SRI DATUK EDDY CHEN LOK LOI	100242
13	DATUK MAK FOO WEI	102057
14	CHAN KUANG YU	102000
15	DATO' SRI AYUB BIN YAAKOB	102137
16	DATUK MUHAMMAD FUAD BIN TALIB	101944
17	DR. ISDAWATI BINTI ISMAIL	102554
18	DATO' DR. MUSTAPHA AHMAD BIN S. MARICAN	102592
19	YEAP TONG WEI	100171
20	HJ. MOHAMED SUFEE BIN HJ. AHMAD AL QASASY(CAPT)	100585
21	CHAN TIAM HIN	102136
22	DATO' R. PARAMASIVAM A/L S. RAJOO	101881
23	DATO' HJ. ABDUL AZIZ BIN ARIFFIN	101879
24	DATO' DR. ZAMRUD BIN MISDI	102291
25	JAMES MOHAN A/L G. RAMAKRISHNAN	102106
26	DATO' SERI PULAYANTRAN A/L KAYAMBU	101173
27	DATUK V M PANJAMOTHY A/L MUTHUSAMY	102009
28	TAN SRI DATUK ROBERT PHANG MIOW SIN	101576
29	KAMAL AFFANDI BIN HASHIM	100512

- 10.4 Setelah proses pengundian selesai, sebanyak sebelas (11) peti undi yang berisi kertas undi telah di bawa ke hadapan dewan, dikunci di hadapan ahli-ahli mesyuarat dan di bawa keluar dari dewan mesyuarat untuk proses pengiraan undi di bilik yang berasingan.

**Makluman**

- 10.5 Sementara menunggu proses pengiraan undi selesai, mesyuarat diteruskan dengan 'Acara Khas: Majlis Pengumuman dan Penyampaian Hadiah Kepada Pemenang Program Lawatan Balai Polis Cemerlang MCPF 2022'.

**Makluman**

## **11 PENGUMUMAN AHLI MAJLIS EKSEKUTIF (EXCO) BAGI PENGGAL 2023/2026**

11.1 YDH Dato' Pahlawan Anuar bin Othman mengumumkan keputusan undian seperti berikut:

NO. CALON	NAMA CALON	NO. AHLI	JUMLAH
1	DATO' SRI JOHNY CH'NG EWE GEE	101658	<b>257</b>
2	DATO' SRI CHONG CHIN FUNG	102135	<b>216</b>
3	DATO' KENNARD CH'NG EWE KOK	101693	<b>196</b>
4	DATO' SRI DR CHIN FUI	102615	<b>253</b>
5	TAN SRI WIRA NG CHEN ONN, JP	102152	<b>53</b>
6	DATUK KAMARUDIN BIN MD ALI	100016	<b>217</b>
7	POON FOONG LIN	102154	<b>64</b>
8	JALBIR SINGH RIAR A/L MANHORE SINGH	102233	<b>65</b>
9	ASSOC PROF DR GESHINA AYU BINTI MAT SAAT	101996	<b>214</b>
10	WAN SU BINTI HJ HARON	102195	<b>225</b>
11	TAN SRI DATUK SERI TAN KEAN SOON, JP	700031	<b>231</b>
12	TAN SRI DATUK EDDY CHEN LOK LOI	100242	<b>205</b>
13	DATUK MAK FOO WEI	102057	<b>209</b>
14	CHAN KUANG YU	102000	<b>241</b>
15	DATO' SRI AYUB BIN YAAKUB	102137	<b>292</b>
16	DATUK MUHAMMAD FUAD BIN TALIB	101944	<b>219</b>
17	DR ISDAWATI BINTI ISMAIL	102554	<b>126</b>
18	DATO' DR MUSTAPHA AHMAD BIN S. MARICAN	102692	<b>47</b>
19	YEAP TONG WEI	100171	<b>90</b>
20	HJ MOHAMED SUFEE BIN HJ AHMAD AL QASASY (CAPT)	100585	<b>129</b>
21	CHAN TIAM HIN (CALON TARIK DIRI)	102136	<b>18</b>
22	DATO' R. PARAMASIVAM A/L S. RAJOO	101881	<b>63</b>
23	DATO' HJ ABDUL AZIZ BIN ARIFFIN	101879	<b>144</b>
24	DATO' DR ZAMRUD BIN MISDI	102291	<b>253</b>
25	JAMES MOHAN A/L G. RAMAKRISHNAN	102106	<b>81</b>
26	DATO' SERI PULAYANTRAN A/L KAYAMBU	101173	<b>214</b>
27	DATUK V M PANJAMOTHY MUTHUSAMY, J.P	102009	<b>44</b>
28	TAN SRI DATUK ROBERT PHANG MIOW SIN	101576	<b>157</b>
29	KAMAL AFFANDI BIN HASHIM	100512	<b>107</b>

11.2 Beliau turut memaklumkan sebanyak tiga ratus sembilan puluh empat (394) kertas undi telah dikira.

**Makluman**

- 11.3 Berdasarkan keputusan undian, tujuh belas (17) Ahli Majlis Eksekutif yang telah dipilih bagi penggal 2023/2026 adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA CALON	NO AHLI	SIMBOL HURUFAN
1	DATO' SRI AYUB BIN YAAKUB	102137	<b>292</b>
2	DATO' SRI JOHNY CH'NG EWE GEE	101658	<b>257</b>
3	DATO' SRI DR CHIN FUI	102615	<b>253</b>
4	DATO' DR ZAMRUD BIN MISDI	102291	<b>253</b>
5	CHAN KUANG YU	102000	<b>241</b>
6	TAN SRI DATUK SERI TAN KEAN SOON, JP	700031	<b>231</b>
7	WAN SU BINTI HJ HARON	102195	<b>225</b>
8	DATUK MUHAMMAD FUAD BIN TALIB	101944	<b>219</b>
9	DATUK KAMARUDIN BIN MD ALI	100016	<b>217</b>
10	DATO' SRI CHONG CHIN FUNG	102135	<b>216</b>
11	ASSOC PROF DR GESHINA AYU BINTI MAT SAAT	101996	<b>214</b>
12	DATO' SERI PULAYANTRAN A/L KAYAMBU	101173	<b>214</b>
13	DATUK MAK FOO WEI	102057	<b>209</b>
14	TAN SRI DATUK EDDY CHEN LOK LOI	100242	<b>205</b>
15	DATO' KENNARD CH'NG EWE KOK	101693	<b>196</b>
16	TAN SRI DATUK ROBERT PHANG MIOW SIN	101576	<b>157</b>
17	DATO' HJ ABDUL AZIZ BIN ARIFFIN	101879	<b>144</b>

### Makluman

## 12 UCAPAN PENANGGUHAN

- 12.1 YB Pengerusi mengucapkan tahniah kepada barisan Ahli Majlis Eksekutif (Exco) yang telah dipilih bagi penggal 2023/2026. Bagi yang tidak dipilih bagi penggal ini, beliau memohon untuk mereka terus aktif dan menyumbang bersama MCPF.
- 12.2 Beliau amat berharap Ahli-Ahli Majlis Eksekutif (Exco) yang baru dipilih dapat memikul tanggungjawab dan amanah dengan memberikan komitmen yang tinggi dan padu di dalam menjayakan misi dan visi MCPF.
- 12.3 YB Pengerusi juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan Ahli Majlis Eksekutif (Exco) bagi penggal 2020/2022, di atas segala sumbangan dan khidmat bakti sepanjang memegang jawatan tersebut.
- 12.4 Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang telah hadir dan sama-sama menjayakan mesyuarat pada hari ini.

MINIT MESUARAT AGUNG KALI KE-29 & KE-30

12.5 Mesyuarat telah ditangguhkan pada jam 6.00 petang.

Disediakan oleh:

  
**DSP Noorhamasiren Boonthnam  
binti Ekkasook**  
Setiausaha Eksekutif

Disemak oleh:

  
**SAC Baharudin bin Mustapha**  
Setiausaha Kehormat

**SENARAI KEHADIRAN PADA MESYUARAT AGUNG KALI KE-29 & KE-30**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA AHLI</b>	<b>JAWATAN/KEAHLIAN</b>
1	YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL	PENGERUSI
2	CP DATO' AIDI BIN ISMAIL	PENGARAH JABATAN PENCEGAHAN JENAYAH & KESELAMATAN KOMUNITI, WAKIL KETUA POLIS NEGARA
3	DATO' SRI AYUB BIN YAAKOB	NAIB PENGERUSI KANAN
4	DATO' SRI JOHNY CH'NG EWE GEE	NAIB PENGERUSI
5	DR. ISDAWATI BINTI ISMAIL	NAIB PENGERUSI
6	TAN SRI DATUK EDDY CHEN LOK LOI	BENDAHARI
7	SAC BAHARUDIN BIN MUSTAPHA	SETIAUSAHA KEHORMAT
8	FAZLI BIN SAID	AHLI EXCO OFFICIO - WAKIL, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
9	MUHAMMAD RIDZUAN BIN ZAWAWI	AHLI EXCO OFFICIO - WAKIL, JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA
10	DATO' DR. MUHAMAD SADE BIN MOHAMAD AMIN	AHLI EXCO OFFICIO - WAKIL, AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
11	SHahrul Affendi bin Baharudin	AHLI EXCO OFFICIO - WAKIL, KEMENTERIAN BELIA & SUKAN
12	ROSLAN BIN SEMAN	AHLI EXCO OFFICIO - WAKIL, JABATAN PERPADUAN NEGARA & INTEGRASI NASIONAL
13	ABDUL RAHIM BIN MOHIDIN	AHLI EXCO OFFICIO - WAKIL, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
14	KHAIRUL AMRI BIN AHMAD	AHLI EXCO OFFICIO - WAKIL, JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
15	DATUK KAMARUDIN BIN MD ALI	AHLI EXCO
16	DATUK MUHAMMAD FUAD BIN TALIB	AHLI EXCO
17	DATUK MAK FOO WEI	AHLI EXCO
18	CHAN KUANG YU	AHLI EXCO
19	CR WAN SU BINTI HAJI HARON	AHLI EXCO
20	DATO' SRI CHONG CHIN FUNG	AHLI EXCO
21	DATO' CH'NG EWE KOK	AHLI EXCO
22	DSP NOORHAMASIREN BINTI BOONTHNAM EKKASOOK	SETIAUSAHA EKSEKUTIF
23	TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR. GOH TIAN CHUAN	PENGERUSI MCPF SABAH
24	TAN SRI DATUK SERI TAN KEAN SOON	PENGERUSI MCPF KUALA LUMPUR
25	DATUK HAJI FADZIL BIN A. BAKAR	PENGERUSI MCPF NEGERI SEMBILAN
26	DATO' ONG POH ENG	PENGERUSI MCPF PULAU PINANG

SENARAI KEHADIRAN PADA MESYUARAT AGUNG KALI KE-29 & KE-30

27	DATO' ABDUL AZIZ BIN NAWI	PENGERUSI MCPF KELANTAN
28	CHAN TIAM HIN	PENGERUSI MCPF MELAKA
29	TAN SRI DATUK SERI DR. LEE LAM THYE	AHLI BIASA (EXCO)
30	KHOR ENG KHA (DATO' ALDRICH)	AHLI BIASA
31	KEVIN LAI TAK KUAN (DATO')	AHLI BIASA
32	YEAP TONG WEI	AHLI BIASA
33	ADIB VINCENT TUNG BIN ABDULLAH (DR)	AHLI BIASA
34	KAMAL AFFANDI BIN HASHIM	AHLI BIASA (EXCO)
35	MOHAMED SUFEE BIN HJ AHMAD AL QASASY (CAPT. HAJI)	AHLI BIASA
36	CHONG KIEN YEH	AHLI BIASA
37	YAP CHEE HOONG	AHLI BIASA
38	ABDUL RAHIM BIN AHMAD	AHLI BIASA
39	ALAN LING SIE KIONG	AHLI BIASA
40	CHOO CHIN NAM	AHLI BIASA
41	SALEEMUL HUSSAIN VARUSAI IBRAHIM	AHLI BIASA
42	PULAYANTRAN A/L KAYAMBU (DATO')	AHLI BIASA
43	CHUAH GIM CHUAN	AHLI BIASA
44	THOMAS A/L D.DEVASAGAYAM	AHLI BIASA
45	SELVARAJOO A/L S.HORIKIRISHNA	AHLI BIASA
46	AZLI MOHD SAMIN @ AMIN	AHLI BIASA
47	LONG FEI FEI, JP	AHLI BIASA
48	ROBERT PHANG MIOW SIN (TAN SRI DATUK)	AHLI BIASA
49	RAHUMATULLAH BIN IBRAHIM	AHLI BIASA
50	AZRI BIN LAILI	AHLI BIASA
51	PARAMASIVAM A/L KANNAN	AHLI BIASA
52	HEAW HUI YEE (DATIN SRI)	AHLI BIASA
53	MOO SIEW CHOON	AHLI BIASA
54	KHO KEE HING	AHLI BIASA
55	CH'NG EWE KHENG	AHLI BIASA
56	CHANG PENG KEE (DR)	AHLI BIASA
57	SEGEARAN A/L MUTHUSAMY	AHLI BIASA
58	LIM PAY CHYE (AR)	AHLI BIASA
59	JOSEPHINE WONG SAI FONG	AHLI BIASA
60	JOSEPH WALTER A/L ANTHONEY (DR)	AHLI BIASA
61	CHIN CHIEW CHOON	AHLI BIASA
62	TEH TIONG HOON (P.P.N.)	AHLI BIASA
63	HASHIM BIN ALI (DATO')	AHLI BIASA
64	KOW CHEONG WEI (DR)	AHLI BIASA
65	ABD AZIZ BIN ARIFFIN (DATO' HJ)	AHLI BIASA (EXCO)
66	R.PARAMASIVAM A/L S. RAJOO (DATO')	AHLI BIASA
67	AZIAN BTE. OTHMAN	AHLI BIASA

SENARAI KEHADIRAN PADA MESYUARAT AGUNG KALI KE-29 & KE-30

68	ONG POH ENG (DATO')	AHLI BIASA
69	KUAH LEONG CHAN	AHLI BIASA
70	LOKE CHEE KONG	AHLI BIASA
71	OON BENG CHYE (DATO')	AHLI BIASA
72	YAZID BIN RAZALI	AHLI BIASA
73	DATO' M. KALEESSVARAN A/L MANIKAM (MEJAR KEHORMAT)	AHLI BIASA
74	LOH SAN FATT	AHLI BIASA
75	JOHNNY TAN	AHLI BIASA
76	ERWAN BIN DATO' HJ MOHD TAHIR (DATO' SERI)	AHLI BIASA (EXCO)
77	MUNUSAMY A/L MUNIANDY	AHLI BIASA
78	MOHAMAD YUSOP BIN SHARIF	AHLI BIASA
79	V. RAJOO A/L KALIMUTHU	AHLI BIASA
80	SIRAJUDIN BIN Y MOHAMED MYDIN	AHLI BIASA
81	MOHD ROZZARI BIN BADRIUZZAMAN	AHLI BIASA
82	YEAP BOON PING	AHLI BIASA
83	GESHINA AYU MAT SAAT (PROF. MADYA DR)	AHLI BIASA
84	BILHANAN P. RATNAM, AMP	AHLI BIASA
85	PARAMAGURU BALAN A/L MOGHAN	AHLI BIASA
86	V M PANJAMOTHY MUTHUSAMY ( DATUK, J.P)	AHLI BIASA
87	SOO WUN FOONG	AHLI BIASA
88	LOW HUN KEE @ EDWARD	AHLI BIASA
89	LEE CHUN HIAN	AHLI BIASA
90	LIM KEE HAU	AHLI BIASA
91	FAIZUL RIZAL BIN ABD AZIZ	AHLI BIASA
92	ELANGOVAN A/L SUBBIAH (DR)	AHLI BIASA
93	TAN GEE PIN, AMN	AHLI BIASA
94	NOOR AKBARI BT. ISMAIL ALI	AHLI BIASA
